

## **TANAH LELUHUR MASYARAKAT DUSUN: PERSPEKTIF LINGUISTIK**

*Yabit bin Alas*

### **ABSTRAK**

Asal usul sesuatu masyarakat selalunya dikaitkan dengan metos dan lagenda yang kesahihannya diragui. Metos dan lagenda sebagai bahan sejarah dalam dunia akademik adalah dianggap tidak saintifik dan perlu digunakan dengan berhati-hati. Metos dan lagenda selalu digunakan untuk melihat asal usul sesuatu masyarakat kerana asal usul selalunya dikaitkan dengan unsur prasejarah. Selain dari ilmu-ilmu lain, Linguistik Perbandingan salah satu cabang ilmu Linguistik Sejarah bermanfaat untuk meninjau zaman silam serta asal usul masyarakat yang diteliti. Dengan menggunakan kaedah 'Pusat Gravitasi' dan perubahan bunyi, kertas kerja ini akan meneliti penyebaran bahasa Dusunik (kumpulan bahasa yang sekerabat dengan bahasa Dusun) dan akhirnya mengesan daerah asalnya. Kaedah ini telah terbukti dan digunakan untuk menelusuri sejarah masyarakat lain di dunia ini, untuk itu, penerapannya untuk melihat asal usul masyarakat Dusunik juga pasti tidak diragukan.

### **1. PENGENALAN**

Sains dan cerita rakyat (*folktale*) adalah dua perkara yang berbeza. Sains adalah ilmu pengetahuan yang sistematik (teratur), boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Cerita rakyat pula adalah antara penglipur lara yang diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya secara lisan.

Cerita tentang asal usul sesuatu masyarakat termasuk dalam cerita rakyat. Jika mengikut definisi di atas ternyata cerita rakyat tidak berunsur saintifik dan justeru itu kesahihannya diragukan. Tetapi mengapa cerita tentang asal usul ini begitu popular pada mana-mana masyarakat dalam dunia ini? Jawapannya mungkin berbeza-beza pada setiap orang. Ada yang mengatakan sekadar hiburan pada masa lapang, cerita yang direka untuk anak-anaknya atau cucu-cucunya dan sebagainya. Naluri ingin tahu itu adalah alamiah, jadi jika ada cerita-cerita yang nampak meyakinkan pada zamannya pasti cerita itu akan didengar dan diturunkan. Tidak kurang pula cerita-cerita ini ditambah dan diubah dari satu generasi ke generasi seterusnya untuk menyedapkan cerita, atau agar sipendengar lebih yakin akan ceritanya.

Umpamanya, dalam masyarakat Kadazandusun di Sabah, cerita asal usul dari Nunuk Ragang memang sudah tidak asing lagi. Tetapi sejauh mana cerita itu membayangkan zaman silam masyarakat Kadazandusun. Adakah cerita itu membawa sesuatu makna untuk panduan kita zaman sekarang?

Ilmu pengetahuan dalam dunia ini semakin canggih dan teratur sehingga menepati konsep ilmu pengetahuan moden yang saintifik. Untuk menelusuri asal usul sesuatu masyarakat yang dulunya hanya terbatas pada bukti dari penemuan-penemuan arkologi sudah jauh lebih maju dengan adanya kaedah ujian DNA. Pada masa sekarang ilmu linguistik pun mula digunakan sebagai satu alternatif untuk tujuan di atas. Ilmu linguistik komparatif (perbandingan) iaitu sub-bidang ilmu linguistik sejarawi (*historical linguistics*) sudah mendapat perhatian ahli-ahli akademik di merata tempat.

Makalah ini bukanlah bermaksud memberikan jawapan yang tuntas tentang tanah leluhur masyarakat Dusunik, tetapi semata-mata memberikan beberapa cadangan agar zaman silam masyarakat kita dapat dijelaskan dengan lebih baik. Selain itu juga, tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk mendedahkan kaedah alternatif yang boleh digunakan sebagai alat atau tools untuk melihat asal usul dan kekerabatan sesuatu masyarakat.

Sebelum menelusuri sejarah asal usul masyarakat Dusun, akan diterangkan terlebih dahulu sejarah ilmu linguistik komparatif Melayu-Polinesia agar kita dapat melihat kesinambungan zaman purba bahasa Austronesia iaitu nenek moyang bahasa-bahasa Austronesia termasuk bahasa

Dusun sekarang. Setelah itu akan diterangkan kaedah ‘Pusat Graviti’ (Campbell 1998), iaitu satu kaedah yang digunakan untuk menentukan asal usul sesuatu penutur bahasa. Selepas itu, akan diterangkan penerapan kaedah tersebut dalam bahasa Dusun.

## **2. SEJARAH RINGKAS ILMU LINGUISTIK KOMPARATIF MELAYU-POLINESIA**

Ilmu linguistik moden sebenarnya tercetus di Asia, iaitu apabila William Jones, seorang hakim kolonial Inggeris di India, berceramah di Calcutta pada tahun 1786 tentang hubungan antara bahasa Latin, bahasa Yunani dan bahasa Sanskerta.<sup>1)</sup> Menurut beliau, dapat dilihat persamaan struktur dan kosa kata pada ketiga-tiga bahasa purba itu yang menandakan hubungan yang setara. Ertinya, antara tiga bahasa ini tidak ada yang lebih tua atau yang lebih asasi; bahkan, justeru kerana persamaan struktural dan leksikalnya, harus diandaikan bahawa ketiga-tiga bahasa purba itu diturunkan daripada bahasa yang sama (suatu bahasa yang lain, yang lebih tua lagi, dan yang tidak wujud lagi).

Dalam kata lain, bahasa Latin, Yunani dan Sanskerta (serta bahasa Keltik, bahasa Gotik dan bahasa Parsi Purba) mesti dianggap saudara dalam keluarga bahasa yang sama kerana semuanya turun daripada bahasa moyang yang sama. Kesemua bahasa tersebut akhirnya tersebar luas di dua benua, iaitu di seluruh Eropah (bahasa Latin, Yunani, Gotik, Keltik), serta di dua bahagian Asia: Asia Barat (bahasa Parsi) dan Asia Selatan (bahasa Sanskerta). Keluarga bahasa yang dimaksudkan Jones lebih 200 tahun lalu itu akhirnya kita kenali sebagai Keluarga Indo-Eropah.

Sepanjang abad ke-19, pakar linguistik dan sarjana yang terkenal di Eropah mengkaji dan meneliti keluarga Indo-Eropah melalui kajian lapangan di India, Eropah Timur, Iran dan di sekeliling universiti-universiti Eropah Barat sendiri melalui perbandingan data bahasa-bahasa keluarga tersebut. Lihat sejarah perkembangan linguistik Indo-Eropah dalam buku Lehmann (1993), Morpurgo Davies (1998) dan Beekes (1995) antara lain.

Prinsip dan metodologi penelitian kekeluargaan dan prasejarah bahasa-bahasa Indo-Eropah ini akhirnya diterapkan kepada bahasa-bahasa lain di dunia ini dan setentunya tidak terkecuali bahasa Austronesia. Pada tahun 1930-an, Otto Dempwolff berhasil merekonstruksikan fonologi dan kosa kata bahasa purba yang menurunkan semua bahasa Melayu-Polinesia. Sumbangan beliau harus diakui sebagai karya yang luar biasa dalam sejarah pengkajian Linguistik Melayu-Polinesia Komparatif.

Dapat dikatakan bahawa usaha Dempwolff mencerminkan usaha yang tekun dan berterusan sehingga mencapai puncak pengetahuan dalam penelitian Melayu-Polinesia sebelum Perang Dunia Kedua.

### **1. PENERAPAN KAEDAH ‘PUSAT GRAVITI’ DAN MIGRASI BAHASA AUSTRONESIA PURBA**

Kaedah ‘pusat graviti’ (Campbell 1998: 352), atau lebih tepat jika kita menamakan sebagai ‘Kaedah Pusat Diversiti’ digunakan untuk mentafsirkan tanah asal usul sesuatu keluarga bahasa berdasarkan tinjauan terhadap *maximum diversity* dan *minimal moves*. Kaedah ini meramalkan daerah dengan kadar kepelbagaian cabang bahasa yang tertinggi merupakan tanah asal bagi keluarga bahasa tersebut. Diandaikan bahawa, apabila bahasa purba berkembang menjadi pelbagai bahasa turunan, penutur bahasa turunan itu tidak akan berpindah jauh, kalau tidak perlu. Jadi, daerah yang paling tinggi kadar *diversiti* (kepelbagaian) bahasa sekeluarga merupakan daerah asal keluarga bahasa tersebut. Bahasan yang cukup tuntas tentang kaedah ini dapat dirujuk juga dalam monograf Sapir (1916).<sup>2)</sup>

Dalam hal Keluarga Bahasa Austronesia pula, R.A. Blust, ahli linguistik Amerika, serta P. Bellwood, ahli arkeologi Australia, bersependapat bahawa dari bukti linguistik, kadar diversiti yang sangat tinggi adalah di Taiwan, dan bukti arkeologi, yakni persebaran jenis tembikar (Bellwood 1991; Bellwood 1997; Kirch 1997:47-57) dan artifak budaya khas yang lain, cukup

mendukung teori bahawa tanah asal masyarakat yang berbahasa Austronesia Purba (BAP) adalah Pulau Taiwan sekitar 6000 tahun lalu. Kemudian lebih kurang 5000 tahun lalu, segolongan penutur BAP menyeberang laut dan berhijrah dari tanah asal di Pulau Taiwan ke Kepulauan Filipina. Dalam peredaran masa percakapan masyarakat BAP di Filipina mengalami beberapa perubahan sehingga bahasa mereka itu sudah berbeza dengan BAP. Perkembangan (lanjutan) BAP ini kini dikenal sebagai Bahasa Melayu-Polinesia Purba (BMPP). Penutur BMPP pula bergerak dengan pantas menyusuri pesisiran Filipina dan antara 4000 dan 4500 tahun lalu mereka berhijrah ke arah tenggara, barat daya dan seterusnya ke barat dan ke timur. Ringkasan teori ini dapat disemak dalam Bellwood (1997) dan berbagai-bagai tulisan Blust dan Bellwood yang lain. Baik esei Blust (2000) mahupun Bellwood (2000) berasaskan andaian ini, yang memang sesuai dengan alaf baru ini, kerana teori ini mengambil kira hasil penelitian terbaharu dalam bidang linguistik, arkeologi, geografi dan hematologi.

## **2. PENERAPAN KAEDAH PUSAT DIVERSITI DALAM BAHASA DUSUNIK**

Bahasa Dusun di Brunei Darussalam adalah salah satu bahasa dari subkeluarga Bahasa Dusunik.<sup>3)</sup> Seperti bahasa-bahasa peribumi Nusantara yang lain, keluarga bahasa Dusunik adalah dari keluarga bahasa Austronesia. Jadi, jika kaedah pusat diversiti ini diterapkan untuk melihat asal usul bahasa Dusunik yang sekali gus akan menyingkap asal usul bahasa Dusun di Brunei, bermakna kita akan mencari kawasan di mana terdapatnya kepelbagaian bahasa Dusunik. Dalam erti kata yang lain, kita mencari satu kawasan di mana wujudnya beberapa bahasa atau pelbagai bahasa yang sekerabat dengan bahasa Dusun.


Untuk menyempitkan kawasan kajian, kita bermula dari kawasan Barat Daya, Utara Pulau Borneo. Terdapat varian Dusunik yang dituturkan di Marudi dan Limbang Sarawak serta Labuan yang dinamakan sebagai bahasa Bisaya. Di Brunei Darussalam juga terdapat varian Dusunik yang dinamakan sebagai bahasa Dusun. Bagaimanapun, varian Bisaya di Marudi, Limbang dan Labuan adalah merupakan dialek sahaja, ertinya kesemua varian ini boleh bertutur sesama mereka walaupun mereka menggunakan bahasa mereka sendiri.

Terdapat juga varian Dusunik yang dituturkan di Beaufort dan Kuala Penyu serta varian Tatana di Bundu Kuala Penyu. Kesemua varian ini juga adalah dialek kerana kesalingfahaman antara mereka sangat tinggi. Mengikut kajian SIL (1984) kesalingfahaman antara varian Tatana dengan varian Bisaya melebihi 80% walaupun kata-kata kognatnya agak rendah iaitu sekitar 60% sahaja. Bagaimanapun, mengikut kajian yang saya lakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif, ternyata hanya 2 fonem varian Tatana yang berbeza dengan fonem varian Bisaya/ Dusun di Sarawak dan Brunei. Ini memungkinan kita mengklasifikasikan kesemua varian Dusunik di sebelah Barat Daya, Utara Borneo, iaitu bermula dari Beufort, Kuala Penyu sehingga ke Brunei dan juga Marudi di sebeiiah selatan sebagai satu kumpulan bahasa Bisaya iaitu cabang dari keluarga besarnya, Dusunik. Jadi, tidak terdapat kepelbagaian di sebelah Barat Daya, Utara Pulau Borneo.<sup>4)</sup>

Di sebelah Barat, Utara Pulau Borneo pula boleh dijumpai varian-varian Kadazan dan Lotud. Dua varian ini memang bahasa sekerabat yang sudah berbeza. Tetapi, kawasan ini belum layak dikatakan sebagai mempunyai kepelbagaian yang tinggi. Kerana dalam satu kawasan yang besar ini hanya dijumpai dua varian sahaja.

Di sebelah pedalaman Utara Pulau Borneo juga boleh dijumpai beberapa varian Dusunik. Umpamanya di Tambunan kita boleh menjumpai varian Kadazan, Kuala Monsok atau Kujiau di Keningau. Tetapi kesemua varian ini masih mempunyai hubungan yang agak dekat.

Di sebelah utara pula kita boleh menjumpai tidak kurang dari lima varian Dusunik yang secara linguistik adalah merupakan bahasa tersendiri, ertinya tidak saling faham memahami antara satu dengan yang lain.




PETA 20: NEGARA BRUNEI DARUSSALAM — Sistem Perhubungan

Peta 1: Lokasi penutur Dusun dan Bisaya




Peta 2: Lokasi penutur Bisaya di Kuala Penyu dan Beaufort

Bahasa-bahasa tersebut ialah Rungus, Tabilung, Garo, Sonsogon dan Kimaragang. Nampaknya kawasan ini memang mencukupi prasyarat diversiti yang kita maksudkan tadi dan secara perbandingan adalah merupakan satu kawasan yang paling tinggi kepelbagaian bahasanya Dusuniknya jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain yang dinyatakan tadi.



**Peta 3: Lokasi penutur Kadazandusun dan Lotud**



**Peta 4: Dusunik utara Sabah**

## 5. KAEDAH LINGUISTIK PERBANDINGAN DALAM BAHASA DUSUNIK

Selain dari kaedah pusat diversity, ilmu linguistik perbandingan adalah salah satu alternatif yang boleh digunakan untuk melihat tentang asal usul sesuatu masyarakat ini. Dalam linguistik perbandingan kita percaya kata-kata yang kita ujarkan sekarang adalah merupakan fosil dari zaman silam. Jadi, kita menggunakan bahasa sekarang (sezaman) untuk melihat sejarah pada zaman silam.

Dalam bahasa, selalunya dua perkara yang terjadi, pertama ada kata-kata purba yang masih tetap bertahan sehingga sekarang. Bagaimanapun, kata-kata ini ada yang sudah mengalami inovasi bunyi atau fonemnya, umpamanya perkataan Austronesia Purba *hidung* dan *ekor* dan refleksnya dalam varian-varian Dusunik:

MELAYU	AUSTRONESIA PURBA	KIMARAGANG	TABILUNG	RUNGUS	LINGKABAU	LOTUD	DUSUN BRUNEI
hidung	*ig'uN	toduN	to'duN	oduN	onduN	oduN	aduN
ekor	*'ikuR	tikow	tikiw	iku'	iku'	ikew	ikew

Kata-kata tersebut adalah kata-kata turunan yang hanya mengalami beberapa inovasi bunyi atau fonologi. Bagaimanapun, ada juga kata-kata yang telah mengalami inovasi leksikal, iaitu kata-kata Austronesia Purba telah bertukar dengan kata-kata khusus umpamanya dalam bahasa Melayu *tiga*, *tujuh*, *lapan* dan *sembilan* adalah inovasi leksikal kerana kata-kata Austronesia Purba untuk angka bilangan tersebut ialah \*t↔lu, \*pitu, \*walu, \*siwa. Dalam bahasa Dusunik kesemua angka tersebut dikekalkan kecuali \*pitu yang menjadi *туру' / tu@u'*.

Dalam linguistik perbandingan, retensi atau pengekalannya tidak menceritakan apa-apa tentang hubungan bahasa, ertinya kata-kata purba yang dikekalkan sehingga sekarang tidak menceritakan tentang sejarah bahasa tersebut. Apa yang penting diteliti ialah inovasi bahasa tersebut. Jika beberapa bahasa sekerabat mengalami inovasi bersama, itu sebenarnya bukan terjadi secara kebetulan tetapi adalah disebabkan bahasa-bahasa itu telah mengalami satu sejarah yang sama atau dari satu kelompok yang sama jika dibandingkan dengan kelompok bahasa sekerabat yang lain.

Kata seperti *туру' / tu@u* di atas boleh digunakan sebagai kata-kata diagnostik untuk mengelompokkan bahasa Dusunik daripada bahasa-bahasa sekerabat Austronesia yang lain. Dalam bahasa Melayu *tujuh*, Tagalog *pito'*, Jawa *pitu'*. Bahasa Bisayan (Cebuano, Hiligaynon, Samar-Leyte (Waray-Waray) di pertengahan dan selatan Filipina juga *pitu'*. Kata ini membuatkan bahasa Dusunik agak terpisah dari bahasa Filipina. Bahasa yang terdekat dengan Dusunik ialah bahasa Murutik. Angka *tujuh* dalam bahasa Murut Timugon ialah *tulu'*. Dusunik *туру* dan Murutik *tulu'* adalah sama, yang memungkinkan Dusunik dan Murutik adalah lebih dekat jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain tadi. Tapi jika dibandingkan dengan kesemua varian Dusunik kata *tujuh* adalah *туру* atau *tuyu*, yang bermakna ciri-ciri bunyi dalam bahasa Murut ialah /l/ sedangkan dalam bahasa Dusunik ialah /r/ atau /@/. Fonem atau bunyi /l/ dan /r, @/ adalah ciri pembeza antara bahasa Murut dengan bahasa Dusunik.

## 6. INOVASI FONOLOGI

Kebanyakan fonem Bahasa Austronesia Purba (BAP) dikekalkan dalam Bahasa Dusunik Purba (BDP) dan diturunkan sedemikian pada varian-varian Dusunik sekarang. Bagaimanapun, terdapat juga beberapa inovasi yang menyebabkan keluarga bahasa Dusunik ini berbeza dengan bahasa-bahasa Borneo yang lainnya. Selain dari itu, terdapat juga inovasi yang bersifat dalaman, iaitu

terjadi apabila bahasa Dusunik ini terpecah dari bahasa-bahasa Borneo yang lainnya. Terdapat lima inovasi fonologi yang dianggap membedakan varian-varian Dusunik ini antara satu dengan yang lain.

### Refleks BDP \*b

BDP \*b menjadi /w/ pada hampir kesemua varian Dusunik. Walaupun perubahan ini terjadi pada bahasa-bahasa lain dalam keluarga bahasa Austronesia tetapi di Borneo utara perubahan ini ternyata hanya terjadi pada bahasa Dusunik sahaja. Bagaimanapun, jelas terdapat dua varian Dusunik yang mengekalkan bentuk purba itu, maksudnya BDP \*b tidak berubah. Varian-varian tersebut ialah varian Tatana dan Papar. Bagaimanapun, kemungkinan kedua-dua varian ini telah keluar dari daerah leluhurnya terlebih dahulu dan barulah perubahan BDP \*b jadi /w/ terjadi. Jika mengikut hipotesis itu, ternyata varian Dusun Brunei dan Bisaya Limbang yang menghilangkan BDP \*b itu adalah lanjutan perubahan dari varian-varian yang mengubah BAP \*b menjadi /w/. Maksudnya apa yang terjadi ialah BDP \*b > /w/ > /ø/

Ø / # \_\_\_ a [BiL, BrD]<sup>5)</sup>

Refleks BDP    \*b > b / # \_\_\_ [Pap, Tat]  
w / # \_\_\_ a [varian-varian lain]

BAP	*b↔Ras	*batu
BDP	*bagas	*batu
<b>BM</b>	<b>beras</b>	<b>Batu</b>
Kim	bagas	-
Lin	bagas	Vatu
Run	vagas	vatu?
Lot	vagas	watu
Kad	vagas	vatu
KaP	vagas	-
Pap	bagas	batu
BiL	agas	-

Refleks BDP    \*b > b [Pap, Tat]  
w [lain-lain] / (a) \_\_\_ (a)

BAP	*lubaN	*abu	*uban
BDP	*lubaN	*abu	*uban
<b>BM</b>	<b>Lubang</b>	<b>abu</b>	<b>uban</b>
Kim	luwaN	t-awo	(buas)
Lin	uvaN	avu	t-uwan

Run	luvaN	avu?	(opurak)
Lot	-	awu	uwan
Kad	-	avu	t-uvan
KaP	-	avu	uvan
Pap	lubaN	(au)	(purak)
Tat	(ruak)	abu?	(mapurak)
BiL	luwaN	awo	(uban)

### Refleks BDP \*d

BDP \*d tidak berubah dalam bahasa Dusunik kecuali pada posisi awal kata. Bagaimanapun, dalam bahasa Dusunik kecuali Papar dan Tatana, sekali lagi menunjukkan retensi langsung dari bahasa purba iaitu \*d. Kadazan menunjukkan /l/ disebabkan oleh perkembangan terbaru.

	y [Kadazan Papar]	
Refleks BDP *d >	l [Kadazan]	/ # ___ V [-depan]
	d [Papar, Tatana]	
	r / ⊗ [varian-varian lain]	

BAP	/dD/aRaq	*/dD/aqan	*d↔ŋ↔R	*dahun
BDP	*daha?	*da?an	*doŋow	*daun
<b>BM</b>	<b>darah</b>	<b>dahan</b>	<b>dengar</b>	<b>daun</b>
Kim	ra?a	ra?an	ko-roNow	roon
Lin	raa?	raan	o-roNow	roun
Run	raha?	ra?an	(moNiniN)	ro?un
Lot	raha?	ra?an	ko-roNow	ro?un
Kad	(zaa?)	laan	(ko-Now)	loun
KaP	(haa?)	ya?an	(moginn-oNow)	yo?un
Pap	daha?	da?an	ko-roNog	da?un
BiL	⊗a:a?	⊗aan	ku-⊗oNow	(daun)

### Refleks BDP \*d > d

BAP	*dilaq	*p↔d↔s	*ha(n)daw	*tuhud	*tuNkad (PPHZD)
-----	--------	--------	-----------	--------	-----------------



BDP	*dila?	*podos	*adaw	*otud	*tukad
<b>BM</b>	<b>lidah</b>	<b>pedas</b>	<b>matahari / hari</b>	<b>lutut</b>	<b>tangga</b>
Kim	dila?	opodos	tadaw	totud	tukad
Lin	dila?	opodos	-	otud	tukad
Run	dila?	opodos	adaw	otud	tukad
Lot	dila?	opodos	adaw	otud	tukad
Kad	diha?	opodos	tadaw	otud	tukad
KaP	diha?	opodos	a?daw	otud	tukad
Pap	dila?	podos	mato-adow	atud	tukad
BiL	dila?	podos	mato-adaw	-	tukad

### Refleks BDP \*l

BDP \*l tidak berubah pada kebanyakan varian Dusunik bagaimanapun fonem purba ini menjadi /l/ dan digugurkan pada varian Kadazan dan Kadazan Papar.

h, Ø [Kad, KaP]

Refleks BDP \*l > l [varian-varian lain]

BAP	*likuD	*lubaN	*[t]ulaN	*alaq	*b↔N↔l	*gat↔l
BDP	*likud	*lubaN	*tulaN	*kala?	*boNol	*katol
<b>BM</b>	<b>belakang</b>	<b>Lubang</b>	<b>tulang</b>	<b>kalah</b>	<b>Tuli</b>	<b>gatal</b>
Kim	-	luwaN	tulaN	na-kala?	-	a-katol
Lin	likud	uvaN	tulaN	-	boNol	a-atol
Run	likud	luvaN	ulaN	-	(boNoN)	a-katol
Lot	(toruntud)	-	tulaN	na-?ala	boNol	a-katol
Kad	hikud	-	tuhaN	n-aha	boNo	a-kato
KaP	hikud	-	uhaN	nay-aha?	No-?boNo	a-kato
Pap	-	lubaN	tulaN	n-ala	boNol	m-atol
BiL	likud	luwaN	tulaN	kala	boNol	(gilat)

### Refleks BDP \*r

Varian Kadazan Papar pada kali ini menunjukkan inovasinya iaitu BDP \*r menjadi /y/ pada posisi awal kata tetapi digugurkan pada posisi lain. Penguguran ini juga berlaku pada varian Kadazan. Varian-varian lain tetap tidak berubah.

Refleks BDP \*r > y / # \_\_\_\_ [Kadazan Papar]  
 Ø Posisi lain [Kadazan Papar]  
 Ø [Kadazan]  
 r [Varian-varian lain]

BAP	*racun	*ribu	-	*kuraN	-	-
BDP	*racun	*ribu	*ranaw	*kuraN	*kirob	*baNkar
<b>BM</b>	<b>racun</b>	<b>ribu</b>	<b>padi sawah</b>	<b>kurang</b>	<b>bulu mata</b>	<b>rakit</b>
Kim	rasun	o-ribu	ranaw	-	kirob	baNkar
Lin	racun	o-ribu	ranaw	o-kuraN	buN-kirow	baNkar
Run	rasun	so-ribu?	ranaw	-	kirob	baNkal
Lot	racun	sa-ribu	ranaw	-	kirob	baNkar
Kad	(lasun)	so-ibu	anaw	no-kuaN	kiop	(gakit)
KaP	(lasun)	(sa-h-ibu)	yanaw	o-kuvaN	kiop	baNka:
Pap	racun	Sa-ribu	ranaw	kuraN	(bulu mato)	baNkar
BiL	⊗asun	sa-⊗ibu	-	ku⊗aN	(bulu mato)	baNka⊗

### Refleks BDP \*y

BDP \*y adalah turunan langsung dari BAP \*y, bagaimanapun fonem ini mengalami inovasi pada varian Sonsogon, Rungus, Kadazan, Kadazan Papar dan Kujiau, iaitu menjadi /z/. Inovasi ini hanya terjadi pada varian-varian tersebut menunjukkan hubungan rapat antara varian-varian itu. Bagaimanapun, Kadazan, Kadazan Papar dan Kujiau menunjukkan inovasi yang sama kerana ketiga-tiga varian ini memang masih sangat dekat hubungannya jika dibandingkan dengan varian Sossogon dan Rungus.

Refleks BDP \*y > z [Son, Run, Kad, KaP, Kuj]  
 y [lain-lain]

BAP	*[t]iyan	*liya
BDP	*tiyan	*layo
<b>BM</b>	<b>Perut</b>	<b>halia</b>
Kim	tiyan	layo
Lin	tiyan	layo
Run	tizan	lazo?
Lot	(sada?an)	layo

Kad	tizan	hazo
KaP	tizan	hazo:
Pap	(tinaʔiʔ)	layo
BiL	(tinayi)	layo


Berdasarkan bukti inovasi fonologi di atas, memang agak sukar dan terlalu awal untuk mengklasifikasikan varian-varian Dusunik yang dikaji apa lagi untuk tujuan melihat asal usul bahasa berkenaan. Bagaimanapun, memang jelas varian Papar dan Tatana menampakkan retensi yang sangat tinggi dari bentuk bahasa Purbanya.

Jika kita mengambil refleks \*b dan \*d ternyata terjadi perubahan pada varian-varian Dusunik di utara Sabah. \*b > w pada varian-varian utara sedangkan tidak berubah pada varian Tatana dan Papar di sebelah barat laut. Begitu juga \*d > r/y di utara tetapi tidak berubah pada varian Tatana dan Papar.

Implikasi inovasi tersebut terhadap hipotesis asal usul ini ialah kemungkinan varian Tatana dan Papar adalah dari tempat yang sama iaitu di utara, tetapi kemungkinan varian-varian ini telah keluar terlebih dahulu dari kawasan asalnya. Bagaimanapun, varian yang tertinggal telah berkembang lagi sehingga mengalami perubahan, iaitu \*b > w dan \*d > r/y. Varian Papar dan Tatana sudah keluar dari tanah leluhurnya sehingga tidak mengalami inovasi bersama dengan varian-varian lain di utara. Varian-varian Tatana atau Papar ini seterusnya berkembang ke selatan sehingga menghasilkan varian-varian Bisaya di Limbang Sarawak dan varian Dusun di Brunei.

Dari penelitian yang dijalankan, iaitu berdasarkan pertimbangan-pertimbangan selain dari fonologi, umpamanya morfologi dan leksikal, dapat disimpulkan yang gambar rajah keluarga bahasa Dusunik adalah seperti yang diberi di bawah.

Dari gambar rajah tersebut ternyata varian-varian yang semakin hampir ke puncak adalah merupakan varian-varian yang menampakkan ciri-ciri yang lebih tua. Bagaimanapun, hipotesis kita nampak sedikit bercanggah dengan gambar rajah di atas. Varian Lotud Sagama, Sungai, Dumpas dan Lingkabau yang dianggap bukan varian Dusunik oleh setengah-setengah pengkaji telah menampakkan ciri-ciri lebih tua. Persoalan ini perlu dijawab dengan kajian yang lebih mendalam. Kemungkinan cadangan awal kita tadi iaitu terjadinya perpecahan di Filipina, dan orang-orang dari masyarakat yang terpecah ini telah masing-masing juga berhijrah ke selatan pada waktu yang berbeza secara berperingkat-peringkat. Bagaimanapun, dari bukti inovasi leksikal iaitu *tujuh* dan *sembilan* menampakkan perbezaan dan persamaan dengan bahasa-bahasa Filipina. Bahasa Austronesia Purba \*pitu 'tujuh' menjadi *pitu* dalam bahasa-bahasa Filipina tetapi *туру/тууу* dalam bahasa Dusunik. Tetapi angka \*siwa 'sembilan' menjadi *siam* pada bahasa-bahasa Filipina dan di Sabah. Bukti perkataan *siam* mengatakan yang bahasa Dusunik adalah sekelompok Filipina sedangkan bukti perkataan *туру* membuktikan perkembangan di utara Borneo sendiri. Selain dari itu, untuk tujuan klasifikasi, kita sepatutnya tidak boleh mengecualikan bahasa-bahasa di Banggi serta bahasa-bahasa Murutik. Perkara ini memang pernah dibincangkan oleh Dyen (1965) yang mengelompokkan bahasa Dusunik dan Murutik sebagai 'Philippine Hesion' sedangkan Blust (1991) menamakan kumpulan ini sebagai 'Greater Central Philippines Hypothesis'.



## Kadazan Pantai

Kad KaP Kuj KuM Run Son Kim, Sag Lot Pap Tat Bis BiL BrD  
KaT Tag, BuT, Tab Sun, Dum, Lin

### **BAHASA DUSUNIK**

## **KESIMPULAN**

Akhirnya dapatlah disimpulkan dari dua kaedah yang digunakan kita mendapati kawasan yang paling sesuai sebagai tempat asal usul bahasa Dusunik umumnya atau bahasa Dusun Brunei khususnya ialah utara Sabah. Secara geografi juga kawasan ini memang sesuai untuk penempatan terutama kawasan dekat dengan pantai yang penuh dengan teluk serta sungai. Sungai amat penting untuk masyarakat zaman purba terutama untuk tujuan komunikasi, sumber air, ikan dan sebagainya. Jika masyarakat itu tinggal di tepi sungai pasti kecenderungan untuk berpindah itu agak sedikit atau perlahan.

## **NOTA**

- <sup>1)</sup> Ringkasan tentang sejarah perkembangan ilmu linguistik sejarah dapat disemak dalam kata pengantar pada kumpulan karya Blust (Collins 1986).
- <sup>2)</sup> Kaedah ini diperkenalkan oleh tokoh linguistik, Edward Sapir, hampir 90 tahun lalu, dan selama ini telah diujicuba pada banyak bahasa di dalam dunia ini. Jadi, kaedah ini bukan sesuatu teknik yang direka-reka atau dibuat-buat hanya untuk menghadapi kes bahasa Dusun ini sahaja. Justeru itu, tulisan ini hanyalah penerapan suatu kaedah ilmiah yang sudah lazim dan dipercayai di kalangan sarjana bahasa.
- <sup>3)</sup> Dalam tulisan terawal, keluarga bahasa Dusunik antaranya ialah Tuaran, Putatan, Papar, Bundu, Tambunan, Tahagas, Rungus, Panampang, Tempasuk, Marudu, Kiau, dan Ranau (Staal 1926; LeBar 1972). Yabit (2004) memasukkan antara bahasa Dusunik ialah Kimaragang, Tagaro, Tabilung, Sonsogon, Rungus, Lingkabau, Lotud, Sungai, Dumpas, Sagama, Bundu Tuhan, Kuala Monsok, Kadazan Papar, Kujiau, Papar, Tatana, Bisaya, Bisaya Limbang/ Dusun Brunei.
- <sup>4)</sup> Peta 2-4 diambil dari buku King & King (1984).
- <sup>5)</sup> Singkatan: *BAP*- Bahasa Austronesia Purba, *BDP*- Bahasa Dusunik Purba, *BM*- Bahasa Melayu, *Kim*- Kimaragang, *Lin*- Lingkabau, *Run*- Rungus, *Lot*- Lotus, *Kad*- Kadazan, *KaP*- Kadazan Papar, *Pap*- Papar, *Sag*- Sagama, *Sun*- Sungai, *Tab*- Tabilung, *Tag*- Tagaro, *KuM*- Kuala Monsok, *Dum*- Dumpas, *BuT*- Bundu Tuhan, *BiL* – Bisaya Limbang, *BrD*- Brunei Dusun, *Pap*- Papar, *Tat*- Tatana.

## **RUJUKAN**

Adelaar, K.A. (1992) "Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology", in *Pacific Linguistics* C119. The National University of Australia, Canberra.

Beekes, Robert S.P. (1995) *Comparative Indo-European Linguistics: an introduction*. John Benjamins Publishing Company, Amsterdam/Philadelphia.

- Bellwood, Peter (1991) "The Austronesian Dispersal and the Origin of Languages", in *Scientific American* 265(1):88-93.
- Bellwood, Peter (1997) *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. 2<sup>nd</sup> edition. University of Hawai'i Press, Honolulu.
- Bellwood, Peter (2000) "Aslian, Austronesian, Malayic: Suggestions from the Archaeological Record". Kertas kerja yang dibentangkan pada Colloquium on Borneo as the Homeland of Malay: the implications for research. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 10-11 April 2000.
- Blust, Robert A. (1992) "The Austronesian Settlement of Mainland Southeast Asia", in Adams, K. & Hudak, T.J. (eds.) *Papers from the Second Annual Meeting of the Southeast Asian Linguistics Society*. pp. 25-83. Arizona State University, Tempe.
- Blust, Robert A. (2000) "Whence the Malays?". Kertas kerja yang dibentangkan pada Colloquium on Borneo as the Homeland of Malay: the implications for research. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 10-11 April 2000.
- Bopp, Franz (1840) "Über die Verwandtschaft der Malayisch-Polynesischen Sprachen mit den Indisch-Europäischen", in *Akad. Wiss. Phil u. Hist, Abh.*, pp. 169-246. Abh. Preuss.
- Campbell, Lyle (1998) *Historical Linguistics: an introduction*. The MIT Press, Cambridge.
- Cense, A.A. & E.M. Uhlenbeck (1958) *Critical Survey on the Languages of Borneo*. Martinus Nijhoff, 's-Gravenhage.
- Collins, James T. (ed.) (1986) *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia: kumpulan karya R.A. Blust*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Collins, James T. (1995) "Pulau Borneo sebagai Titik Tolak Pengkajian Sejarah Bahasa Melayu", dlm. *Dewan Bahasa* 39, hlm. 868-879. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (1997) "Ilmu Linguistik: perbandingan teori dan kenyataan", dlm. *Dewan Bahasa* 41, hlm. 1080-1088. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (1999) *Wibawa Bahasa: kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (2000) *Malay World Language: a short history*. Edisi ke-2. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (2000) *Borneo as the Homeland of Malay: the implications for research*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Collins, James T. (2006) "Homelands and the Homeland of Malay", in James T. Collins & Awang Sariyan (eds.) *Borneo and the homeland of the Malays: four essays*, pp. 1-34. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Collins, James T & Awang Sariyan (ed.) (2006) *Borneo and the Homeland of the Malays: four essays*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Dyen, I. (1971) "The Austronesian Languages and Proto-Austronesian", in T. Sebeok (ed.) *Current Trends in linguistics* 8, pp. 5-54. Mouton, Berlin.
- Hock, Hans Henrich (1988) *Principles of Historical Linguistics*. Mouton de Gruyter, Berlin.
- Hudson, A.B. (1978) "Linguistic Relations among Bornean Peoples with Special Reference to Sarawak: an interim report", in V. Sutlive (ed.) *Sarawak: linguistics and development problems*, pp. 13-44. Department of Anthropology, College of William and Mary, Williamsburg.
- Kern, Hendrik (1889) "Taalkundige Gegevens ter Bepaling van het Stamland der Maleisch-Polynesische Volken", in *Verlagen en Mededeelingen der Koninklijke Akademie van Wetenschappen: afdeeling letterkunde* 3:6. English translation by C.D. McFarland & S. Tsuchida with the title "Linguistic Evidence for the Determination of the Original Homeland of the Malayo-Polynesian Peoples" (1976) in *Oceanic Studies* 1, pp. 60-81.
- King, J.K. & King, J.W. (ed.) ( ) "Languages of Sabah: a survey report", in *Pacific Linguistics* (C-78). The Australian National University, Canberra.
- Kirch, Patrick V. (1997) *The Lapita Peoples: ancestors of the Oceanic world*. Blackwell Publishers, Oxford.
- LeBar. F.M. (ed.) (1972) *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia*. Human Relations Area Files Press, New Haven.
- Lehmann, Winfred P. (1993) *Theoretical Bases of Indo-European Linguistics*. Routledge, London.
- Marsden, William (1812) *A Grammar of the Malayan Language with an introduction and praxis*. Cox and Baylis, London.
- McArthur, Tom (ed.) (1992) *The Oxford Companion to the English Language*. Oxford University Press, Oxford.
- Morpurgo Davies, Anna (1998) "Nineteenth Century Linguistics", in G. Lepschy (ed.) *History of Linguistics* IV. Longman, London.
- Nothofer, B. (1996) "Migrasi Orang Melayu Purba: kajian awal", dlm. *Sari* 14, hlm. 33-53.
- Oppenheimer, Stephen (2000) "Austronesian Homeland in Island Southeast Asia: a genetic perspective". Working paper presented at the Borneo Research Council VI. Kuching, 10-14 Julai 2000.
- Ross, M. A. Pawley & M. Osmond (1998) "Introduction" for "the Lexicon of Proto Oceanic: the culture and environment of ancestral Oceanic society. 1 Malterial Culture", in *Pacific Linguistics* C152, pp. 1-14. The Australian National University, Canberra.
- Sapir, Edward (1916) *Time Perspective in Aboriginal American Culture: a study in method*. Geological Survey, Memoir 90 Anthropological Series No. 13. Government Printing Bureau, Ottawa. Reprinted in D.G. Mandelbaum (ed.) (1958) *Selected Writings of Edward Sapir in Language, Culture and Personality*, pp. 387-462. University of California Press, Berkeley.

Staal, R.J. (1926) "The Dusun Language", in *Anthropos* 18, pp. 958-77.

Trask, R.L. (1996) *Historical Linguistics*. Arnold, London.

Wurm, S.A. & Hattori, S. (1983) *Language Atlas of the Pacific Area*. (Part II: Japan area, Taiwan (Formosa), Philippines, Mainland and Insular South-East Asia [sheet 42, Southern Part of Borneo]). Australian Academy of the Humanities in collaboration with the Japan Academy. Canberra.

Yabit Alas (2004) "Rekonstruksi Bahasa-Bahasa Dusunik dan Klasifikasi Varian-Variannya". Tesis PhD, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.